

17/03/2003

Singapura terbit buku bela diri isu air

KUALA LUMPUR: Selepas kempen menerusi media dua bulan lalu gagal mencapai matlamat, kerajaan Singapura kini menerbitkan buku berhubung isu air dengan Malaysia bagi menegakkan benang basah bahawa republik itu tidak bersalah menyebabkan kebuntuan rundingan.

Buku bertajuk Water Talks? If Only It Could diterbitkan dan dijual Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian (Mita). Versi bahasa Melayu dan Mandarin turut dipasarkan.

Antara kandungan buku itu ialah surat menyurat di antara pemimpin Singapura dan Malaysia serta kenyataan penuh Menteri Hal Ehwal Luar, Prof S Jayakumar, yang memperincikan sejarah rundingan air di antara kedua-dua negara di Parlimen republik itu pada Januari 25 lalu.

Jurucakap Mita, dalam wawancara bersama akhbar Straits Times Singapura kelmarin, menjelaskan walaupun kenyataan Jayakumar dan kandungan dokumen berkaitan dilaporkan secara meluas menerusi media, maklumat terperinci itu tidak mudah dicapai rakyat di republik itu serta negara lain.

"Kementerian berharap himpunan dokumen serta pengedaran yang meluas akan memberi peluang kepada seramai mungkin rakyat untuk menilai fakta dan membuat rumusan sendiri berhubung kebenaran di sebalik rundingan itu," katanya.

Januari lalu, Straits Times, menyiarkan 19 surat di antara pemimpin Malaysia dan Singapura, termasuk yang bertarikh 24 Ogos 2000, daripada Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, kepada Menteri Kewangan ketika itu, Tun Daim Zainuddin; surat bertarikh 21 Februari, 2001, daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Lee; dan surat bertarikh 23 April, 2001, daripada Lee kepada Dr Mahathir.

Surat berkenaan dikatakan bukti yang kononnya menunjukkan:

- bagaimana Malaysia bersetuju untuk meningkatkan harga air daripada tiga sen kepada 45 sen bagi setiap seribu gelen air dan kemudian menukar kepada 60 sen bagi seribu gelen dengan harganya akan dikaji semula setiap lima tahun.

- memperincikan bagaimana Malaysia menukar lagi kedudukannya walaupun satu perjanjian hampir dicapai, dan

- bagaimana Malaysia mengeluarkan isu air daripada pakej isu dua hala yang akan dibincangkan, sebagai satu perjanjian tersendiri tanpa notis awal kepada Singapura.

Jayakumar pula memberitahu Parlimen bahawa `penyiaran itu perlu bagi menjelaskan keadaan sebenar dan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengadili sendiri dakwaan yang sedang dibuat oleh Malaysia'.

Beliau mendakwa pemimpin dan media Malaysia berterusan menyelar Singapura sejak beberapa tahun lepas, termasuk menyifatkannya sebagai

`angkuh', `tidak mempunyai semangat kejiranan' dan `mencari keuntungan' daripada air yang dibekalkan kepada republik itu.

Menafikan dakwaan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia tidak meminda kadar cadangan semakan harga air sesuka hati ketika rundingan dijalankan, tetapi hanya membuat cadangan dengan mengambil kira kadar pasaran dan komersial seperti diminta Singapura.

Sebaliknya, Singapur adalah yang bertindak tidak rasional apabila menafikan hak Malaysia untuk menyemak semula harga air ketika rundingan dijalankan.

"Apabila (Menteri Kanan) Lee Kuan Yew datang dan cadangkan 30 sen, kita kata tak boleh. Kemudian dia cadang 45 sen dan kita cadangkan ia dirundingkan pada harga 60 sen tetapi mereka tak setuju. Tetapi ketika rundingan dijalankan mereka menyatakan kita tidak punya hak untuk mengkaji," katanya.

Berikutan itu, Malaysia mengambil keputusan tidak melayan provokasi Singapura serta tidak menyambung rundingan semakan air yang buntu kerana sikap republik itu.